

11/04/2002

Pos Malaysia lancar setem ERL

KUALA LUMPUR, Rabu - Pos Malaysia Berhad akan mengeluarkan setem kenangan sempena pelancaran perkhidmatan Ekspres Rail Link (ERL) yang dijangka disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu ini.

Selain setem bernilai 30 sen dan 50 sen, dua Lembaran Mini bernilai RM1 dan RM2 juga akan mula dijual pada hari berkenaan manakala Sampul Surat Hari Pertama tanpa setem berharga 30 sen sudah dijual sejak 6 April lalu.

Timbalan Pengurus Besar Bahagian Setem dan Filateli Pos Malaysia, Zakaria Md Sam berkata, ERL dan Stesen Sentral Kuala Lumpur menjadi lambang kemajuan Malaysia dan Pos Malaysia merakamkan kemegahan itu melalui pengeluaran setem dan Sampul Surat Hari Pertama.

"Keluaran setem ini terhad dan orang ramai serta peminat setem dinasihatkan mendapatkannya lebih awal pada hari jualan," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Pos Malaysia juga menyediakan perkhidmatan Akaun Deposit Arahan Tetap (SODA) yang membolehkan pemegang akaun, menerima setem dan produk filateli lain melalui pesanan pos.

Untuk keterangan lanjut, hubungi Pejabat Pos berdekatan atau bahagian Setem & Filateli, Tingkat 1, Bangunan Pejabat Pos Besar, Kompleks Dayabumi, 50670 Kuala Lumpur atau telefon 03-22741122 sambungan 6715/6830/6651 dan 6652 atau faksimili 03-26942139 atau e-mail [filateli@pos.com.my](mailto:filateli@pos.com.my) atau kunjungi laman web di <http://www.pos.com.my>.

(END)